

## Intertekstualiti dalam Wacana Muamalat

### Intertextuality in Muamalat Discourse

MOHAMAD FITRI MOHAMAD YUSOFF, ZAITUL AZMA ZAINON HAMZAH, PABIYAH HAJI MAMING @ PABIYAH TOKLUBOK & HJH. NOR AZUWAN YAAKOB

#### ABSTRAK

*Perkembangan muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional telah membawa praktis sosial tersendiri memandangkan muamalat merupakan risalah Allah yang perlu dipatuhi oleh umat Islam. Perbahasan terhadap keperluan umat Islam kembali kepada sistem muamalat amat rancak dilakukan, namun penelitian terhadap wacana muamalat masih belum dilakukan secara kritis bagi mengenal pasti praktis sosial muamalat dan cara wacana muamalat memperteguh praktis sosial tersebut. Justeru makalah ini adalah bertujuan untuk; 1) Mengenal pasti praktis sosial wacana muamalat yang dimanfaatkan dalam kerangka sistem ekonomi konvensional; dan 2) Menjelaskan praktis wacana muamalat (intertekstualiti) dalam kerangka sistem ekonomi konvensional. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan Analisis Wacana Kritis (AWK) Fairclough. Sebanyak 3 buah Teks Penyataan Pengerusi dan 4 buah Teks Ulasan Operasi Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang dikumpul dari tahun 2009 hingga tahun 2012 dijadikan sebagai bahan kajian. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa praktis sosial yang dimanfaatkan dalam wacana muamalat adalah Ihsan. Praktis sosial ini mempengaruhi praktis wacana muamalat khususnya dari aspek intertekstualiti. Hal ini terbukti apabila penyisipan unsur ‘metawacana’ secara eksplisit lebih ketara berbanding elemen intertekstualiti yang lain. Kajian ini juga mendapati bahawa AWK berjaya membongkar pertalian dialektikal antara praktis sosial muamalat (Ihsan) dengan praktis wacana (intertekstualiti).*

*Kata kunci:* Wacana muamalat; praktis social; analisis wacana kritis; kerangka sistem ekonomi konvensional

#### ABSTRACT

*The development of muamalat within the framework of conventional economic system has resulted in a particular social practice as muamalat is seen as Allah's risalah (words) that must be obeyed by every Muslim. Recently, the issue of the need for Muslims to shift back to muamalat has frequently been debated, however the study on muamalat discourse to identify muamalat social practice and the way muamalat discourse strengthens this social practice has yet to be critically conducted. Therefore this study aims to; 1) Identify the social practice of muamalat discourse benefits within the framework of conventional economic system; and 2) Explain the practice of muamalat discourse (intertextuality) within the framework of conventional economic system. This is a qualitative study using Fairclough Critical Discourse Analysis (CDA) approach. Three texts from Chairman's Statements and four Islam Malaysia Bank Berhad (BIMB) Managing Director's Operational Review Texts collected from 2009 until 2012 are used in this study. The results of this study show that the social practice which benefits from muamalat discourse is Ihsan (courtesy). This social practice influences muamalat discourse practice particularly in the aspects of intertextuality. This is proven with the infusion of metadiscourse elements explicitly which is more apparent than other intertextuality elements. This study has succeeded in exposing the dialectical relationship between muamalat social practice (Ihsan) with discourse practices (intertextuality).*

*Keywords:* Muamalat discourse; social practice; Critical Discourse Analysis; conventional economic system framework

#### PENGENALAN

Para pengkaji wacana percaya bahawa sesuatu teks wacana lazimnya terbina hasil gabungan daripada pelbagai sumber/maklumat daripada teks lain serta kombinasi beberapa jenis wacana. Fairclough (1992) mengemukakan dua jenis intertekstualiti iaitu intertekstuali nyata (intertekstualiti) dan

intertekstuali konstitutif (interdiskursiviti). Intertekstuali nyata merujuk kepada sumber teks-teks lain yang dimanfaatkan dalam membina wacana yang baru. Sementara Intertekstuali konstitutif merujuk kepada jenis-jenis wacana atau genre yang dimanfaatkan ke dalam wacana yang baru. Idris Aman (2006, 2010) melihat intertekstualiti sebagai soal kesalingteksan dalam wacana yang baru

sementara interdiskursiviti sebagai lanjutan daripada intertekstualiti yang memfokuskan pula kepada jenis-jenis wacana atau genre yang dimanfaatkan dalam teks yang dikaji.

Sehubungan dengan itu, intertekstualiti dalam wacana muamalat merujuk kepada kepelbagaiannya sumber/maklumat dalam membentuk kesatuan bahasa yang lengkap yang digunakan untuk berinteraksi, berkomunikasi atau mengungkapkan idea, gagasan, atau isu-isu yang berkaitan dengan sistem kewangan Islam. Sistem kewangan Islam atau lebih tepat dirujuk sebagai muamalat pula merupakan sistem kewangan yang dilaksanakan berdasarkan ketetapan Syariah. Antara lain Syariah menetapkan sistem kewangan perlu bebas daripada unsur menindas seperti *riba* (kadar faedah) serta unsur *gharar* atau ketidakpastian dalam urus niaga. Ini bertujuan melindungi kedua-dua pihak (penjual dan pembeli) yang terlibat dalam urus niaga yang dijalankan.

Satu hal yang menarik, perkembangan muamalat dalam konteks Malaysia berlaku dalam kerangka sistem ekonomi konvensional yang dipraktikkan dalam kalangan masyarakat berbilang agama dan berbilang bangsa. Pertembungan dua sistem ekonomi dalam masyarakat berbilang agama dan berbilang bangsa ini bukan sahaja melahirkan praktis sosioekonomi yang tersendiri tetapi juga menghasilkan konteks/situasi yang lebih rencan kepada perkembangan wacana muamalat. Ini kerana wacana muamalat bukan sahaja perlu berupaya mengungkapkan gagasan, idea dan isu-isu berkaitan sistem ekonomi Islam tetapi juga berupaya bertindak balas terhadap kerangka sistem ekonomi konvensional yang menjadi gelanggang kepada perkembangan muamalat. Justeru kajian ini berhasrat meneliti wacana muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional dengan tumpuan kepada praktis sosial muamalat serta bagaimana praktis tersebut mempengaruhi praktis wacana muamalat (intertekstualiti).

### **PERNYATAAN MASALAH**

Penelitian terhadap praktis wacana telah dilakukan secara terperinci oleh Idris Aman (2006) dan Radiman Hj. Junaidi (2011). Penelitian terhadap praktis wacana tersebut memfokuskan kepada wacana kepimpinan yang mewakili bidang politik. Hasilnya kedua-dua penyelidik tersebut berjaya merungkaikan ciri-ciri praktis wacana yang mendukung praktis kepimpinan khalayak. Namun


penyelidik berpandangan berlaku kelompongan terhadap penyelidikan wacana berbahasa Melayu yang mewakili bidang ekonomi khususnya muamalat. Tambahan pula kehidupan bermasyarakat dan ‘bernegara’ tidak hanya terarah kepada persoalan kepimpinan dan sosiopolitik semata-mata, malah turut melibatkan latar belakang sejarah dan masyarakat, ekonomi, pentadbiran, serta lain-lain perkara yang berkaitan dengan sebuah negara (Ruslan Zainuddin et al. 2010). Selain itu kenegaraan dalam konteks Malaysia meletakkan Islam sebagai agama rasmi seperti terkandung dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Sebagai negara yang meletakkan kedudukan Islam lebih tinggi berbanding agama-agama yang lain, wujud kecenderungan ideologi dalam kalangan pemimpin negara untuk mempraktikkan muamalat (sistem ekonomi Islam) yang secara jelas menolak unsur penindasan melalui ekonomi seperti *riba*. Di samping itu muamalat yang berteraskan kepada prinsip-prinsip Syariah bukan sahaja berbeza dengan sistem ekonomi konvensional, malah lebih penting muamalat mendukung nilai, akidah dan akhlak Islam.

Justeru, bagi mengisi kelompongan tersebut, penyelidikan perlu dilakukan terhadap wacana muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional untuk merungkaikan praktis sosial muamalat serta elemen-elemen Syariah yang mendasarinya. Selain itu penelitian juga perlu dilakukan untuk memahami cara praktis sosial muamalat serta elemen-elemen Syariah mempengaruhi praktis wacana muamalat. Hal ini kerana bahasa Melayu dan Islam sememangnya mempunyai pertalian yang kukuh selain berupaya menjelaskan pandangan dan praktis hidup Islam dengan tepat (Md. Asham Ahmad 2010).

### **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menerapkan pendekatan Analisis Wacana Kritis (AWK) oleh Fairclough (1989, 1992, 1995). AWK menganalisis wacana secara serentak melalui tiga dimensi wacana iaitu analisis teks, analisis amalan wacana, dan analisis praktis sosiobudaya. Analisis teks merupakan pemerihalan ciri-ciri teks. Sementara analisis amalan wacana bertujuan menginterpretasikan hubungan antara teks dengan interaksi. Analisis praktis sosiobudaya pula bertujuan menjelaskan perkaitan antara interaksi dan konteks sosial. Kaitan dialektikal antara teks dan

praktis sosiobudaya dilihat melalui amalan wacana yang digambarkan oleh Fairclough melalui Rajah 1.



RAJAH 1. Pendekatan analisis wacana tiga dimensi oleh Fairclough 1989, 1992 & 1995

Fairclough dan Wodak (1997) menjelaskan bahawa hubungan antara praktis sosial dengan wacana adalah hubungan dialektikal atau hubungan timbal balas. Dalam perkataan lain praktis sosial mempengaruhi pembentukan wacana, dan dari sudut yang lain wacana turut berperanan memperteguh praktis sosial. Hal ini bermakna pemilihan struktur tertentu dalam wacana muamalat berbahasa Melayu bukan dibuat secara bebas, tetapi dibuat berdasarkan praktis sosial muamalat seperti yang ditetapkan berdasarkan prinsip Syariah dengan mengambil kira keperluan masyarakat majmuk Malaysia. Walau bagaimanapun makalah ini akan hanya membincangkan analisis praktis sosial dan praktis wacana muamalat (Intertekstualiti).

Kajian ini menggunakan kaedah kajian dokumen. Teks ulasan operasi pengarah urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang terkandung dalam Laporan Tahunan BIMB 2009 hingga 2012 dijadikan sebagai bahan kajian. Pemilihan teks tersebut dibuat memandangkan semua aktiviti muamalat yang dikendalikan oleh BIMB dikawal selia secara langsung dan dilaporkan kepada pihak berkepentingan oleh Pengarah Urusan. Teks Ulasan Operasi tahun 2009 hingga 2012 dipilih kerana Laporan Tahunan BIMB tersebut menggunakan semula format dwibahasa (bahasa Melayu dan bahasa Inggeris) selepas sepuluh tahun (1998 – 2008) tidak menggunakan format dwibahasa tersebut.

Analisis dimulakan dengan mengenal pasti praktis sosial muamalat yang dimanifestasikan di dalam teks. Seterusnya analisis dilanjutkan kepada praktis wacana muamalat serta hubungan dialektikalnya dengan praktis sosial muamalat

yang telah dikenal pasti. Untuk memudahkan pengurusan data, teks wacana akan diberikan nombor rujukan. Teks akan di tanda dengan sistem penomboran. Data praktis wacana (intertekstualiti) akan di kategori berdasarkan cara sumber teks lain diintertekstualitikan iaitu representasi wacana, metawacana, pra-andaian, penafian, dan ironi. Sementara data interdiskursiviti akan di kategori berdasarkan pengelasan jenis wacana oleh Renkema (1993) dan Idris Aman (2010) iaitu deskripsi, eksplanatori, argumentasi, instruksi, dan narasi. Seterusnya data-data tersebut akan diinterpretasi dan dihurai secara kritikal. Interpretasi dan huraian akan disokong oleh pendapat dan pandangan penyelidik lain yang berkaitan. Interpretasi dan huraian akan bersandar kepada kerangka AWK dengan menghubungkan data dengan praktis muamalat.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Agama Islam membina takwa yang menjadi dasar kehidupan bermasyarakat yang berisikan kebudayaan (sosial, ekonomi, politik, ilmu, teknik, seni, dan falsafah). Justeru Islam menjadi teras dalam membentuk praktis sosial yang menjadi anutan dan pegangan masyarakat Islam. Hal ini disokong oleh Munif Zariruddin Fikri Nordin (2009) yang melihat Islam sebagai risalah Allah dalam membentuk praktis sosial. Memandangkan kajian ini berhasrat melihat kesan perkembangan praktis sosial muamalat dalam sistem ekonomi konvensional terhadap ciri-ciri tekstual, maka analisis dimulakan dengan mengenal pasti praktis sosial wacana muamalat terlebih dahulu. Hal ini kerana praktis sosial wacana muamalat merupakan jelmaan daripada agama Islam yang membina sifat takwa selain merupakan risalah Allah yang wajib diikuti oleh masyarakat Islam.

## PRAKТИС SOSIAL WACANA MUAMALAT

Analisis yang dilakukan terhadap wacana muamalat yang berkembang dalam kerangka sistem ekonomi konvensional mendapati bahawa praktis sosial yang dimanfaatkan adalah Ihsan. Dalam sebuah hadis riwayat Muslim, Rasulullah SAW menjelaskan konsep Ihsan apabila ditanya oleh Jibril seperti berikut:

Berkatalah ia (Jibril) “Beritahu kepadaku tentang ihsan.” (Nabi Muhammad SAW) menerangkan: “(Ihsan ialah) kamu mengerjakan ibadah kepada

Allah SWT seolah-olah kamu melihat-Nya, sekiranya kamu tidak dapat melihat-Nya (memang kamu tidak dapat melihat-Nya) sesungguhnya Dia (Allah SWT) melihat kamu..." (Sahih Muslim, hadith 106).

Ihsan merupakan kata yang berasal daripada istilah Arab yang bermaksud kebaikan, kebajikan, perbuatan yang baik dan kemurahan hati (*Kamus Dewan* 2010). Ini bermakna dalam soal pemilikan harta, hak orang lain terhadap harta tersebut perlu ditunaikan dengan kebaikan, kebajikan dan kemurahan hati atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan hamba-hambaNya. Penunaian hak orang lain terhadap harta tersebut merupakan ibadah yang merujuk kepada ibadah zakat yang termaktub sebagai Rukun Islam keempat.

Data di bawah menunjukkan bahawa BIMB sebagai sebuah organisasi perniagaan berteraskan Syariah yang memperoleh keuntungan perniagaan, bukan sahaja mengambil kira elemen cukai (tanggungjawab kepada pemerintah), tetapi juga mengambil kira elemen zakat (kewajipan kepada Allah) dalam pengiraan keuntungan.

2009b(4) Keuntungan sebelum *cukai* dan *zakat*:

- TK2007 – RM236.7 juta
- TK2008 – RM308.3 juta (keuntungan tertinggi sejak penubuhan Bank Islam)
- TK2009 – RM233.1 juta

Kata hubung ‘dan’ pada klausa *cukai* dan *zakat* dalam data di atas menunjukkan bahawa penekanan yang seimbang diberikan kepada kedua-dua elemen iaitu cukai dan zakat. Dalam hal ini ‘dan’ dilihat sebagai Kata Penghubung Setara yang menghubungkan dua unsur yang setara sifatnya.

Islam menetapkan bahawa harta/keuntungan adalah amanah Allah kepada pemiliknya serta perlu dibelanjakan mengikut panduan yang ditetapkan syariat. Islam juga menetapkan bahawa hak terhadap harta/keuntungan bukan terletak secara mutlak kepada pemiliknya. Ini kerana orang lain juga mempunyai hak ke atas harta/keuntungan tersebut. Ketetapan Allah ini menuntut pemilik harta menunaikan hak orang lain ke atas harta/keuntungan tersebut dengan cara membelanjakannya mengikut kaedah tertentu seperti mengeluarkan zakat (Haron Din et al. 1988; Yusuf Al-Qardhawi 2012). Justeru menunaikan hak orang lain dengan cara mengeluarkan zakat seperti yang dizahirkan dalam data 2009b(4) bukan merupakan pemberian berdasarkan perikemanusiaan semata-mata, tetapi menunaikan perintah Allah atas kesedaran Allah maha melihat amalan hamba-Nya. Inilah sebahagian daripada terjemahan konsep Ihsan.

Ihsan tidak hanya di terjemah dengan cara menunaikan hak orang lain terhadap harta yang dimiliki dengan mengeluarkan zakat semata-mata. Malah Ihsan dalam muamalat turut merangkumi perintah Allah agar mencari keuntungan dengan cara yang halal dan berpada, serta menghindari amalan yang bersifat menindas seperti mengamalkan riba (faedah) dalam perniagaan (Haron Din et al. 1988; Yusuf Al-Qardhawi 2012). Data 2009b(25) yang diturunkan di bawah menunjukkan BIMB mengambil pendekatan mencari keuntungan dengan cara yang halal, berpada serta tidak menindas. Malah penegasan kepada Ihsan dibuat melalui penjenamaan program iaitu EHSAN yang diambil daripada kata/istilah Ihsan (*Kamus Dewan* 2010).

2009b(25) Program EHSAN dilancarkan sebagai tanda komitmen Bank membantu pelanggan yang kehilangan pekerjaan akibat kemelut ekonomi. Skim ini menawarkan penangguhan bayaran ansuran selama 12 bulan kepada pelanggan *pembentangan rumah-i* yang telah diberhentikan kerja dari 1 Julai 2008 akibat kemelesetan ekonomi semasa.

Data 2009b (25) di atas menunjukkan bahawa BIMB melancarkan satu program yang dinamakan EHSAN untuk membantu pelanggan yang kehilangan pekerjaan akibat krisis ekonomi. Bantuan yang diberikan menerusi program tersebut ialah penangguhan bayaran balik pinjaman perumahan. Penangguhan ini bermakna peminjam tidak perlu membayar balik pinjaman untuk tempoh 12 bulan selepas diberhentikan kerja. Tempoh 12 bulan penangguhan tersebut membolehkan peminjam yang kehilangan pekerjaan menstrukturkan semula perbelanjaan bulanan selain berpeluang mencari pekerjaan baru tanpa dipengaruhi oleh tekanan membayar balik pinjaman perumahan.

Penangguhan bayaran balik tersebut juga bermakna BIMB tidak menerima apa-apa pendapatan sepanjang tempoh penangguhan dilaksanakan yang seterusnya memberi kesan kepada keuntungan bank. Bank juga tidak mengenakan/menaikkan kadar faedah sepanjang tempoh penangguhan bayaran balik memandangkan perbankan Islam sememangnya bebas daripada kadar faedah (riba). Justeru, pendekatan penangguhan bayaran balik pinjaman bagi peminjam yang kehilangan pekerjaan; pendapatan/keuntungan BIMB terganggu sepanjang tempoh penangguhan bayaran balik; dan tidak mengenakan kadar faedah (riba) merupakan sebahagian lagi terjemahan kepada konsep Ihsan

yang antara lain menuntut agar pemodal/pengusaha mencari keuntungan dengan cara yang halal dan berpada, serta menghindari amalan yang bersifat menindas seperti mengamalkan riba (faedah) dalam perniagaan.

Selain menunaikan hak orang lain terhadap harta yang dimiliki dan mencari keuntungan dengan cara yang halal, berpada, serta menghindari amalan yang bersifat menindas, Ihsan dalam muamalat turut meliputi larangan terhadap perniagaan yang bersifat monopoli kerana monopoli akan menjelaskan kepentingan awam (Haron Din et al. 1988; Yusuf Al-Qardhawi 2012). Dalam hubungan itu data 2009b(30) di bawah menjelaskan bahawa produk yang ditawarkan oleh BIMB bukanlah produk yang bersifat monopoli.

- 2009b(30) Kami akan memberi tumpuan pada produk utama yang berpulangan tinggi, iaitu kad kredit dan pembiayaan peribadi serta kemudahan pembiayaan kenderaan di samping melaksanakan lebih banyak inisiatif “perbankan kemanusiaan” seperti program EHSAN.

Selain itu data 2009b(30) juga memperteguh lagi kenyataan bahawa Ihsan merupakan praktis sosial yang dimanfaatkan dalam wacana muamalat BIMB. Berdasarkan data 2009b(30), produk yang diberi tumpuan utama oleh BIMB ialah kad kredit, pembiayaan peribadi dan pembiayaan kenderaan. Produk-produk tersebut juga turut ditawarkan oleh bank-bank konvensional yang lain. Namun apa yang membezakan antara produk yang ditawarkan oleh BIMB dengan bank-bank konvensional yang lain ialah elemen patuh Syariah yang mendasari produk-produk tersebut. Memandangkan produk-produk seperti kad kredit, pembiayaan peribadi dan pembiayaan kenderaan juga ditawarkan oleh bank-bank konvensional yang lain, maka BIMB tidak dilihat memonopoli produk-produk tersebut. Pada akhirnya pengguna bebas membuat pilihan sama ada untuk menggunakan produk yang ditawarkan BIMB mahupun produk yang ditawarkan oleh perbankan konvensional.

Selain itu, data 2009b(30) di atas juga menegaskan lagi konsep Ihsan melalui penggunaan kata/istilah ‘perbankan kemanusiaan’. Dalam data 2009b(30) inisiatif ‘perbankan kemanusiaan’ dikaitkan dengan program EHSAN. Program EHSAN seperti yang telah dibincangkan sebelum ini memberi kemudahan penangguhan bayaran balik pembiayaan perumahan kepada peminjam yang kehilangan pekerjaan akibat krisis ekonomi untuk tempoh 12 bulan. EHSAN (Ihsan) merujuk kepada

kebaikan, kebijakan dan kemurahan hati yang menjadi teras kepada produk-produk perbankan Islam. ‘Kemanusiaan’ pula berasal daripada kata dasar ‘manusia’ yang di terjemah sebagai makhluk yang mempunyai akal budi atau insan. Kemanusiaan merujuk kepada memiliki sifat insan. Kemanusiaan dan ihsan memiliki persamaan dan pertautan yang erat. Justeru inisiatif ‘perbankan kemanusiaan’ merupakan peneguhan kepada konsep Ihsan yang merupakan praktis sosial yang dimanfaatkan dalam wacana muamalat BIMB.

Ihsan yang menjadi praktis sosial muamalat ini berlawanan dengan praktis sosial sistem ekonomi konvensional khususnya ekonomi kapitalis. Kapitalis melihat harta merupakan milik mutlak pemiliknya lantas orang lain tidak berhak untuk campur tangan ke atas pemilikan harta tersebut. Segala bentuk sumbangan yang dikeluarkan untuk kepentingan orang lain merupakan belas kasihan semata-mata dan sering digunakan sebagai strategi pemasaran untuk meningkatkan imej pemilik harta tersebut. Sistem ekonomi konvensional juga mengamalkan riba (faedah) dan monopoli, malah kedua-dua pendekatan ini merupakan penyumbang terbesar kepada keuntungan bagi sesebuah perniagaan (Haron Din et al. 1988; Yusuf Al-Qardhawi 2012).

Namun apabila praktis sosial muamalat yang berlawanan dengan praktis sosial kapitalis berkembang dalam sistem ekonomi konvensional, maka berlaku perubahan serta penyesuaian antara kedua-dua praktis tersebut (Nor Mohamed Yakcop 1996). Ini mengakibatkan Ihsan (kebaikan, kebijakan dan kemurahan hati) BIMB menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan dilakukan dengan kedua-dua tujuan, iaitu atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan tersebut, selain untuk meningkatkan imej korporat yang merupakan sebahagian daripada strategi pemasaran yang diterima pakai daripada sistem ekonomi konvensional. Data 2010b(38) di bawah dapat menjelaskan situasi tersebut.

- 2010b(38) ...pengenalan program-program spesifik yang menyasarkan segmen pasaran utama seperti *Kempen Pembiayaan Peribadi-i Extra “Bag”anza*. Kempen tersebut telah berjaya mencipta kumpulan baharu pelanggan wanita yang berpeluang memenangi beg-beg tangan berjenama apabila mereka memohon produk pembiayaan peribadi Bank

Data 2010b(38) menjelaskan perlaksanaan Kempen Pembiayaan Peribadi-i Extra “Bag”anza yang menggalakkan pelanggan khususnya golongan wanita memilih produk pembiayaan yang ditawarkan oleh BIMB. Pembiayaan Peribadi-i merupakan produk patuh Syariah yang ditawarkan atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan hamba-Nya. Kesedaran tersebut terserlah apabila BIMB mengambil inisiatif meletakkan ‘amanah’ sebagai Nilai Jenama Teras Kelima yang membawa maksud produk yang ditawarkan oleh BIMB berwibawa dan diyakini berlandaskan syariah 100%. Malah kewujudan Majlis Pengawasan Syariah yang berperanan mengesahkan garis panduan produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan risalah yang berkaitan dengan produk, perkhidmatan dan aktiviti bank agar mematuhi syariah 100% menyerlahkan lagi kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan tersebut (*Laporan Tahunan 2010 BIMB – www.bankislam.com.my*).

Data 2010b(38) juga menjelaskan bahawa melalui pendekatan Extra “Bag”anza pelanggan yang memilih produk Pembiayaan Peribadi-i berpeluang memenangi beg-beg tangan berjenama. Peluang memenangi beg tangan berjenama ini bukan sahaja menggambarkan kebaikan, kebijakan dan kemurahan hati BIMB dalam menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan, tetapi juga sebahagian daripada strategi pemasaran memandangkan soal keuntungan masih lagi menjadi keutamaan. BIMB perlu bersaing dengan bank-bank perdagangan lain dengan menawarkan produk-produk yang digambarkan membawa lebih banyak manfaat kepada pelanggan untuk meningkatkan keuntungan. Tujuan ini terserlah melalui Nilai Jenama Teras Pertama BIMB iaitu ‘pemimpin’ yang membawa pengertian produk Islam BIMB menjadi tanda aras Industri Perbankan Islam di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa seperti yang dijelaskan dalam data 2009b(65) di bawah;

- 2009b(65) Sebagai sebuah organisasi yang progresif dan dinamik dengan visi untuk menjadi “pemimpin global dalam perbankan Islam”, Bank Islam akan terus memastikan ia berdaya tahan menghadapi rintangan, di samping kekal fleksibel terhadap perubahan pasaran terutamanya dalam suasana ketidakstabilan kewangan dan ketidaktentuan ekonomi semasa

Data 2009b(65) di atas menjelaskan visi BIMB yang berhasrat menjadi pemimpin global dalam perbankan Islam. Bagi memastikan BIMB tampil

sebagai ‘pemimpin’ dalam perbankan Islam bukan sahaja di Malaysia malah pada peringkat global atau antarabangsa, BIMB perlu berdaya tahan selain fleksibel terhadap perubahan pasaran. Untuk itu BIMB perlu peka terhadap strategi pemasaran agar produk-produk yang ditawarkan mampu bersaing dengan produk-produk yang ditawarkan oleh perbankan konvensional (Nor Mohamed Yakcop 1996).

Jelasnya berdasarkan data-data yang dikemukakan di atas, iaitu data 2009b(4), 2009b(25), 2009b(30), 2010b(38) dan 2009b(65) membuktikan bahawa praktis sosial muamalat yang dimanfaatkan dalam wacana muamalat BIMB ialah Ihsan. Ihsan merujuk kepada penawaran perkhidmatan oleh BIMB dengan kebaikan, kebijakan dan kemurahan hati atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan hamba-hambaNya. Ihsan bukan sahaja diterjemah melalui amalan berzakat, tetapi juga meliputi perintah Allah agar mencari keuntungan dengan cara yang halal, berpada dan tidak bersifat menindas, selain menghindari amalan monopoli yang boleh menjelaskan kepentingan umum.

Data-data tersebut juga khususnya data 2010b(38) dan data 2009b(65) membuktikan bahawa Ihsan dalam menawarkan perkhidmatan oleh BIMB bukan sahaja dilaksanakan atas perintah Allah tetapi juga dilaksanakan sebagai sebahagian daripada strategi pemasaran. Pendekatan strategi pemasaran ini merupakan tindak balas yang berlaku hasil perkembangan muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional (Nor Mohamed Yakcop 1996). Justeru perbincangan selanjutnya akan memberi tumpuan kepada bagaimana praktis sosial muamalat ini iaitu Ihsan mempengaruhi unsur intertekstualiti dan unsur interdiskursiviti dalam wacana muamalat.

### PRAKTIS WACANA MUAMALAT

Berdasarkan pendekatan AWK, analisis praktis wacana lazimnya melibatkan tiga dimensi iaitu penghasilan, penyebaran dan penggunaan teks sesuatu wacana (Fairclough 1992). Walau bagaimanapun kajian ini yang memberikan tumpuan kepada dimensi penghasilan teks, akan menjelaskan unsur intertekstualiti dalam teks wacana muamalat yang dianalisis. Tumpuan terhadap unsur intertekstualiti adalah selaras dengan hasrat mengenal pasti bagaimana praktis sosial muamalat iaitu Ihsan memberi kesan kepada proses penghasilan teks wacana muamalat. Ini kerana unsur-unsur yang membentuk wacana banyak

memberi pemahaman berhubung identiti/praktis sosial yang terkandung dalam sesebuah wacana (Fairclough 1992).

### INTERTEKSTUALITI

Dalam menjelaskan makna intertekstualiti Fairclough menjelaskan “*The intertextuality of a text is the presence within it of elements of other texts (and therefore potentially other voice than the author's own) which may be related to (dialogued with, assumed, rejected, etc) in various ways*” (Fairclough 2003: 218). Ini membawa maksud intertekstualiti ialah sumber atau maklumat dari teks-teks lain yang

dianyam atau ditenun bagi menghasilkan teks yang baru. Dengan lain perkataan intertekstualiti merujuk kepada situasi di mana teks khusus lain secara jelas dimanfaatkan dalam proses membina teks baru (Idris Aman 2006). Penelitian intertekstualiti bermakna penelitian ke atas kepelbagaiannya teks dalam binaan wacana. Analisis yang dilakukan ke atas teks wacana muamalat BIMB mendapat bahawa terdapat empat unsur intertekstualiti yang dimanfaatkan iaitu representasi wacana, metawacana, pra-andaian dan penafian. Walau bagaimanapun elemen metawacana didapati lebih menonjol berbanding elemen-elemen yang lain. Ringkasan berhubung unsur intertekstualiti dalam wacana muamalat BIMB ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Unsur intertekstualiti dalam wacana muamalat

Intertekstualiti	Kaedah	Sumber	Contoh Petikan
Metawacana	Eksplisit	Kosa Cogan Kata ( <i>tag line</i> )	<p>2009b(65) ... dengan visi untuk menjadi “pemimpin global dalam perbankan Islam”, Bank Islam akan terus memastikan...</p> <p>2010b(7) ... Kad MasterCard Platinum Bank Islam-UiTm “Sentiasa Di Hatiku”, Cashline-i (kemudahan overdraf Islam) dan kempen “Sahutan ke Tanah Suci”...</p> <p>2012b(36) ... nilai saranan Bank Islam yang unik iaitu “Penangguhan Bayaran” dan “Tiada Bayaran Semasa Pembinaan” terbukti...</p> <p>2012b(68) ... Kempen proaktif seperti “Kami Prihatin Kami Sayang” telah dilancarkan...</p> <p>2012b(72) ... “Hijrah ke arah Kecemerlangan” atau H2E berpaksikan enam tuggak iaitu...</p>
		Kosa Peribahasa	<p>2012b(67) ... Menggunakan falsafah “Pencegahan Lebih Baik daripada Pengubatan”, Bank mengenal pasti penglibatan dan sokongan awal sebagai...</p>
Representasi wacana	Pengucapan tidak langsung	Keputusan Mahkamah Rayuan	<p>2009a(12) ... Satu keputusan penting yang dibuat secara sebulat suara oleh hakim Mahkamah Rayuan pada 31 Mac 2009 telah memutuskan bahawa kontrak Bai Bithamam Ajil (“BBA”) Bank adalah suatu transaksi jualan yang sah...</p>
		Laporan bank pusat	<p>2009b(48) ... Sepanjang tahun kewangan ini, bank-bank pusat di seluruh dunia membenarkan bank-bank mengklasifikasikan semula sekuriti dipegang untuk dagangan kepada sekuriti sedia untuk dijual bagi meringankan tekanan kewangan bank...</p>
Pra-andaian	Usul teks lain	Maklumat lama	<p>2010b(74) Beberapa tahun kebelakangan ini, industri kewangan Islam telah bertapak kukuh dan menjadi salah satu daripada komponen utama dalam sektor kewangan keseluruhannya.</p> <p>2012a(18) Perjalanan 30 tahun Bank Islam yang ditubuhkan atas prinsip Islam memberi kesan positif dari segi sosial dan perniagaan...</p>
		Ayat negatif	<p>2009a(11) Walaupun beroperasi dalam persekitaran yang mencabar akibat kemelesetan ekonomi global di samping persaingan sengit dalam industri perbankan tempatan...</p> <p>2009b(22) ... Walaupun keadaan ekonomi amat mencabar...</p>

*Metawacana* merujuk kepada cara pewacana membezakan dan menjarakkan dirinya daripada sesetengah teks bagi menunjukkan teks tersebut merupakan milik atau sumber daripada teks lain (Fairclough 2003; Idris Aman 2006). Dengan perkataan lain pewacana seolah-olah mengiktiraf bahawa terdapat sebahagian teks daripada keseluruhan teks wacananya merupakan sumber teks milik pewacana lain. Kehadiran teks lain boleh diklasifikasikan sebagai penegasan eksplisit atau penegasan ketara dan penegasan implisit atau penegasan kabur (Radiman Hj. Junaidi 2011). Analisis yang dilakukan terhadap wacana muamalat BIMB mendapati metawacana diintertekstualitikan dengan cara eksplisit atau penegasan ketara. Ini bermakna pewacana menyatakan dengan jelas sumber teks lain yang diintertekstualitikan ke dalam teks wacananya dengan cara menggunakan tanda petik (“...”). Penyataan secara jelas ini juga menunjukkan bahawa tidak berlakunya unsur manipulasi terhadap sumber teks tersebut.

Data-data metawacana yang diintertekstualitikan ke dalam wacana muamalat daripada sumber kosa cogan kata (*tag line*) diturunkan di bawah;

- 2009b(65) Sebagai sebuah organisasi yang progresif dan dinamik dengan visi untuk menjadi “pemimpin global dalam perbankan Islam”, Bank Islam akan terus memastikan ia berdaya tahan menghadapi rintangan, di samping kekal fleksibel terhadap perubahan pasaran terutamanya dalam suasana ketidakstabilan kewangan dan ketidaktentuan ekonomi semasa.
- 2010b(7) Perbankan Pengguna memperkenalkan pelbagai produk dan kempen menarik semasa tempoh tinjauan. Antara lainnya adalah Kad World MasterCard Bank Islam, kempen Pembiayaan Peribadi Extra “Bag”anza, Kad MasterCard Platinum Bank Islam-UiTm “Sentiasa Di Hatiku”, Cashline-i (kemudahan overdraf Islam) dan kempen “Sahutan ke Tanah Suci”.
- 2012b(36) Dalam segmen penting ini, nilai saranan Bank Islam yang unik iaitu “Penangguhan Bayaran” dan “Tiada Bayaran Semasa Pembinaan” terbukti sangat menarik. Ciri ini membantu meringankan beban kewangan pelanggan kami pada bulan November dan Disember (yang biasanya terdapat kenaikan perbelanjaan isi rumah) dan semasa fasa pembinaan. Insentif kerajaan ke atas pengecualian duti

setem untuk pembiayaan semula rumah secara Islam menjadikan ia lebih menarik.

2012b(68) Kempen proaktif seperti “Kami Prihatin Kami Sayang” telah dilancarkan untuk menggalakkan pelanggan tampil ke depan dan mendapatkan penyelesaian yang mudah diurus bagi menjelaskan pembiayaan yang telah lama tertunggak. Kempen ini yang juga berfungsi menyampaikan objektif tanggungjawab sosial kami, membantu pelanggan kami menyelesaikan obligasi pembayaran hutang mereka.

2012b(72) Bank Islam telah memulakan rancangan korporatnya yang baharu bagi tahun 2013-2015, dengan menyediakan strategi pertumbuhan yang kukuh dalam usaha memberikan sokongan kepada momentum perolehan keseluruhan. “Hijrah ke arah Kecemerlangan” atau H2E berpaksikan enam tunggak iaitu Pertumbuhan Organik yang Kukuh, Kecemerlangan Perkhidmatan, Inovasi berteraskan Syariah, Pengoptimuman Sumber, Majikan Pilihan dan Regionalisasi.

Daripada data-data yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan bahawa pewacana menggunakan tanda petik (“...”) untuk menjarakkan dirinya daripada kosa cogan kata yang diintekstualitikan ke dalam teks wacananya. Penggunaan kaedah penyisipan dengan kehadiran tanda petik (“...”) merupakan satu kaedah pengasingan sesuatu teks (Fairclough 1992). Hal ini menyebabkan wujud item yang boleh dikenal pasti secara jelas dalam teks yang memperlihatkan pewacana cuba mengasingkan teksnya daripada teks yang lain (Hyland 2005).

Data-data yang dikemukakan di atas juga menunjukkan kosa cogan kata yang diintekstualitikan ke dalam teks pewacana boleh dikategorikan kepada dua kumpulan. Pertama, kosa cogan kata daripada teks lain tetapi masih dalam sistem muamalat yang dikendalikan BIMB seperti pada data 2009b(65), 2012b(36), dan 2012b(68). Kedua, kosa cogan kata daripada teks lain serta di luar sistem muamalat BIMB seperti pada data 2010b(7), dan 2012b(72).

Bagi kumpulan pertama, data 2009b(65) “pemimpin global dalam perbankan Islam”, merupakan kosa cogan kata yang berasal daripada pernyataan visi BIMB. Penyataan visi ini dinyatakan secara eksplisit atau penegasan ketara melalui klaus ‘sebagai sebuah organisasi yang progresif dan dinamik dengan visi untuk menjadi “pemimpin

global dalam perbankan Islam”’. Penggunaan perkataan visi merupakan penegasan secara ketara bahawa “pemimpin global dalam perbankan Islam” adalah milik teks lain iaitu teks penyataan visi BIMB. Kosa cogan kata penyataan visi BIMB ini kemudiannya diintekstualitikan ke dalam teks ulasan operasi pengarah urusan BIMB. Pendekatan ini dilihat bersesuaian dengan peranan teks ulasan operasi tersebut yang bertujuan melaporkan semua aktiviti dan perkembangan BIMB kepada pihak-pihak berkepentingan.

Begitu juga dengan data 2012b(36) “Penangguhan Bayaran” dan “Tiada Bayaran Semasa Pembinaan”. Kosa cogan kata tersebut merupakan ciri unik dan nilai saranan yang mendasari salah satu produk pembiayaan rumah yang ditawarkan oleh BIMB kepada pelanggannya. Penyisipan kosa cogan kata tersebut dibuat secara eksplisit atau penegasan ketara. Hal ini dibuktikan melalui klausa ‘dalam segmen penting ini, nilai saranan Bank Islam yang unik iaitu “Penangguhan Bayaran” dan “Tiada Bayaran Semasa Pembinaan” terbukti sangat menarik’. Kehadiran klausa ‘nilai saranan Bank Islam yang unik’ sebelum kosa cogan kata “Penangguhan Bayaran” dan “Tiada Bayaran Semasa Pembinaan” menunjukkan bahawa kosa cogan kata tersebut merupakan milik teks lain. Justeru kosa cogan kata yang merupakan ciri unik dan nilai saranan salah satu produk pembiayaan perumahan BIMB, diintekstualitikan ke dalam teks ulasan operasi pengarah urusan BIMB secara eksplisit untuk dilaporkan kepada pihak-pihak berkepentingan.

Data 2012b(68) “Kami Prihatin Kami Sayang” pula merupakan nama salah satu kempen yang dijalankan oleh BIMB. Kempen tersebut bertujuan menggalakkan pelanggan BIMB yang menghadapi tunggakan bayaran balik pinjaman tampil untuk menstrukturkan semula bayaran balik pinjaman. Kempen tersebut juga dilihat sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial BIMB. Klausa ‘kempen proaktif seperti “Kami Prihatin Kami Sayang” telah dilancarkan’ menunjukkan penyisipan sumber teks lain iaitu kosa cogan kata dilakukan secara eksplisit. Hal ini terbukti melalui penggunaan klausa ‘kempen proaktif’ sebelum kosa cogan kata “Kami Prihatin Kami Sayang” yang menunjukkan kosa cogan kata tersebut merupakan nama salah satu kempen yang dianjurkan BIMB. Nama salah satu kempen iaitu kosa cogan kata “Kami Prihatin Kami Sayang” kemudiannya diintertekstualitikan ke dalam teks ulasan operasi pengarah urusan BIMB.

Data dalam kumpulan kedua pula ialah data kosa cogan kata daripada teks lain serta di luar sistem muamalat BIMB. Data 2010b(7), “Sentiasa Di Hatiku” dan “Sahutan ke Tanah Suci” merujuk kepada nama produk yang ditawarkan oleh BIMB dengan kerjasama agensi lain iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Lembaga Urusan Tabung Haji (TH). Klausa ‘Kad MasterCard Platinum Bank Islam-UiTM “Sentiasa Di Hatiku”, ‘Cashline-i (kemudahan overdraf Islam) dan kempen “Sahutan ke Tanah Suci” membuktikan bahawa penyisipan sumber teks lain ke dalam teks ulasan operasi pengarah urusan BIMB dilakukan secara eksplisit. Kewujudan bentuk ‘UiTM’ sebelum kosa cogan kata “Sentiasa Di Hatiku” menunjukkan bahawa kosa cogan kata tersebut milik teks lain iaitu kosa cogan kata yang menjadi identiti UiTM, salah sebuah universiti yang di dominasi masyarakat Melayu-Bumiputera. Kosa cogan kata tersebut berasal daripada tajuk lagu rasmi UiTM iaitu ‘UiTM Di Hatiku’. Begitu juga dengan kewujudan kata ‘kempen’ sebelum kosa cogan kata “Sahutan ke Tanah Suci” menunjukkan bahawa kosa cogan kata tersebut merupakan nama sebuah kempen yang dianjurkan dengan kerjasama TH. Kempen tersebut bertujuan menggalakkan umat Islam menabung bagi menunaikan ibadah Haji yang merupakan rukun Islam kelima. Di Malaysia urusan menunaikan ibadah Haji ke Mekah dikendalikan oleh TH (Tabung Haji Act: Act 535). Jelasnya kedua-dua kosa cogan kata tersebut kemudiannya diintertekstualitikan ke dalam teks ulasan operasi pengarah urusan BIMB.

Data 2012b(72) “Hijrah ke arah Kecemerlangan” juga merupakan data kosa cogan kata daripada teks lain serta di luar sistem muamalat. Konsep ‘hijrah’ berasal daripada peristiwa perpindahan yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat dari Kota Mekah ke Kota Madinah untuk mencari penempatan yang lebih baik bagi mengembangkan syiar Islam (Zarina Muhammad 2000). Tarikh perpindahan tersebut kemudiannya dijadikan asas kepada perkiraan kalender Islam yang dikenali sebagai tahun Hijrah. Malah setiap tahun umat Islam khususnya di Malaysia meraikan sambutan *Maal Hijrah* sebagai memperingati peristiwa ‘Hijrah’ yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat, selain meraikan sambutan tahun baharu Islam. Selaras dengan peredaran masa, kini konsep hijrah tidak lagi di terjemah secara khusus kepada perpindahan lokasi geografi, sebaliknya dikembangkan kepada perpindahan

atau perubahan daripada satu pencapaian yang baik kepada yang lebih baik. Menyedari akan hakikat itu BIMB mengorak langkah meletakkan tema “Hijrah ke arah Kecemerlangan” berpaksikan enam tunggak iaitu Pertumbuhan Organik yang Kukuh, Kecemerlangan Perkhidmatan, Inovasi berteraskan Syariah, Pengoptimuman Sumber, Majikan Pilihan dan Regionalisasi untuk mencapai pertumbuhan yang lebih baik. Ini mengakibatkan kosa cogan kata “Hijrah ke arah Kecemerlangan” diintertekstualitikan dalam teks ulasan operasi pengaruh urusan BIMB.

Selain daripada bersumberkan kosa cogan kata, unsur metawacana yang diintertekstualitikan dalam wacana muamalat BIMB juga dikesan bersumberkan kosa peribahasa seperti data 2012b(67) yang diturunkan di bawah. Data 2012b(67) menunjukkan proses intertekstualiti berlaku secara eksplisit. Hal ini terbukti apabila klausa “Pencegahan Lebih Baik daripada Pengubatan” didahului oleh perkataan ‘menggunakan falsafah’ selain penggunaan tanda petik (“ ”) pada klausa tersebut.

- 2012b(67) Menggunakan falsafah “Pencegahan Lebih Baik daripada Pengubatan”, Bank mengenal pasti penglibatan dan sokongan awal sebagai pemacu penting dalam mengelakkan akaun daripada menjadi tertunggak. Beberapa pendekatan proaktif yang terdiri daripada cadangan penstrukturkan semula, penjadualan semula ansuran, penyelesaian pembiayaan dan pelupusan aset telah digunakan.

Peribahasa menonjolkan akal budi bangsa Melayu yang sangat dipengaruhi oleh adat istiadat, struktur sosial masyarakat Melayu tradisional dan latar kehidupan serta falsafah hidup yang dianuti (Ahmad Fuad Mat Hassan et al. 2011). Maka tidak hairanlah jika peribahasa dikaitkan dengan unsur falsafah seperti pada klausa ‘menggunakan falsafah “Pencegahan Lebih Baik daripada Pengubatan”’. Walaupun tidak menggunakan perkataan ‘peribahasa’, namun kewujudan perkataan ‘falsafah’ menunjukkan “pencegahan lebih baik daripada pengubatan” merupakan sebahagian daripada khazanah peribahasa Melayu. Penyisipan kosa peribahasa tersebut secara eksplisit bertujuan menjelaskan langkah proaktif yang diambil oleh BIMB untuk mengelakkan akaun daripada tertunggak. Antara langkah proaktif tersebut termasuklah penstrukturkan semula penjadualan semula ansuran, penyelesaian pembiayaan dan pelupusan aset.

*Representasi Wacana* pula merujuk kepada cara sesuatu ujaran dipersembahkan semula dalam teks wacana oleh pewacana sama ada secara pengucapan langsung ataupun pengucapan tidak langsung (Fairclough 2003; Idris Aman 2006). Pengucapan langsung merujuk kepada sesuatu ujaran dinyatakan sumber asalnya dengan jelas atau dikenali juga sebagai cakap ajuk. Sementara pengucapan tidak langsung merujuk kepada sesuatu ujaran telah dimanipulasikan atau ‘dimilikdirikan’ oleh pewacana atau dikenali juga sebagai cakap pindah. Representasi pengucapan tidak langsung juga merujuk kepada pengucapan orang lain secara tidak terus atau *indirect speech* sebagai sumber teks lain. Representasi pengucapan ini hadir apabila bentuk ayat yang diungkapkan pewacana adalah milik pihak ketiga tetapi telah mengalami perubahan struktur walaupun mengekalkan maksud pihak ketiga tersebut (Radiman Hj. Junaidi 2011). Dengan perkataan lain pewacana melaporkan kembali kenyataan pihak ketiga. Analisis yang dilakukan terhadap teks wacana muamalat BIMB mendapati unsur representasi wacana diintertekstualitikan dengan cara pengucapan tidak langsung atau cakap pindah. Unsur representasi wacana melalui pengucapan tidak langsung atau cakap pindah terkandung dalam data yang diturunkan di bawah;

- 2009a(12) *Satu keputusan penting yang dibuat secara sebulat suara oleh hakim Mahkamah Rayuan pada 31 Mac 2009 telah memutuskan bahawa kontrak Bai Bithamam Ajil (“BBA”) Bank adalah suatu transaksi jualan yang sah.* Keputusan ini mengukuhkan lagi keyakinan pelanggan bank dan orang ramai secara umum terhadap produk dan perkhidmatan Bank Islam berdasarkan BBA.

- 2009b(48) *Walaupun berhadapan dengan persekitaran perniagaan yang mencabar, Perbendaharaan beroperasi dengan sangat baik meskipun ketika krisis kewangan global memuncak pada penghujung 2008. Sepanjang tahun kewangan ini, bank-bank pusat di seluruh dunia membentarkan bank-bank mengklasifikasikan semula sekuriti dipegang untuk dagangan kepada sekuriti sedia untuk dijual bagi meringankan tekanan kewangan bank.* Bank Islam adalah antara beberapa bank yang tidak melakukan pengklasifikasi sekuriti perdagangan yang sedemikian.

Data 2009a(12) di atas menunjukkan kosa teks yang disisipkan pada aras permukaan teks adalah klausa ‘hakim Mahkamah Rayuan pada 31 Mac 2009 telah memutuskan bahawa kontrak Bai Bithamam Ajil (“BBA”) Bank adalah suatu transaksi jualan yang sah’. Proses intertekstualiti representasi wacana pengucapan tidak langsung dikesan apabila pewacana sebagai orang pertama melaporkan keputusan Hakim Mahkamah Rayuan kepada pihak kedua iaitu khalayak wacananya. Selain itu pewacana tidak memanfaatkan tanda petik (“...”) ketika melaporkan keputusan hakim tersebut memandangkan klausa/ayat tersebut telah distrukturkan semula. Dalam hal ini pewacana melaporkan kepada khalayaknya berhubung keputusan Hakim Mahkamah Rayuan yang telah memutuskan bahawa kontrak Bai Bithamam Ajil (“BBA”) yang dikendalikan oleh BIMB adalah suatu transaksi jualan yang sah.

Data 2009b(48) pula menunjukkan kosa teks yang disisipkan pada aras permukaan teks adalah menerusi klausa ‘bank-bank pusat di seluruh dunia memberarkan bank-bank mengklasifikasikan semula sekuriti dipegang untuk dagangan kepada sekuriti sedia untuk dijual bagi meringankan tekanan kewangan bank’. Proses intertekstualiti dikesan apabila pewacana melaporkan kepada pihak kedua iaitu khalayak wacananya berhubung keputusan yang dibuat oleh bank-bank pusat di seluruh dunia. Seperti data 2009a(12) pewacana juga tidak memanfaatkan tanda petik (“...”) memandangkan klausa/ayat tersebut telah di struktur semula. Pewacana berusaha melaporkan kepada khalayaknya bahawa bank pusat (bank yang mengawal perjalanan bank-bank perdagangan) di setiap negara di seluruh dunia memberarkan bank perdagangan mengklasifikasikan semula sekuriti untuk meringankan tekanan kewangan akibat krisis kewangan yang berlaku pada tahun 2008. Namun BIMB tidak melaksanakan langkah mengklasifikasikan semula sekuriti seperti yang dilakukan oleh bank perdagangan yang lain. Malah Bahagian Perbendaharaan BIMB beroperasi dalam keadaan yang sangat baik walaupun berhadapan dengan krisis kewangan global pada tahun 2008.

*Pra-andaian* merupakan usul yang dianggap sebagai sudah biasa yang dimanfaatkan oleh pewacana dalam teks wacananya (Fairclough 1992). Dalam kebanyakan kes, *pra-andaian* teks lain bukanlah khusus daripada individu tertentu atau teks lain yang dikenal pasti sahaja, tetapi juga merupakan teks yang telah menjadi milik dan

pandangan masyarakat (Idris Aman 2006). Dari segi struktur maklumat pula, intertekstualiti pra-andaian merujuk kepada perkongsian maklumat lama bertujuan membina hubungan pengetahuan bersama di kalangan audiens. Malah terdapat juga pewacana yang memanfaatkan pendekatan perkongsian maklumat baru seolah-olah maklumat lama agar mudah diterima dan difahami oleh audiens (Kamila Ghazali 1999).

Analisis yang dilakukan terhadap wacana muamalat BIMB mendapati bahawa intertekstualiti pra-andaian memanfaatkan maklumat lama daripada teks lain seperti pada data di bawah;

- |           |   |
|-----------|---|
| 2010b(74) | ‘Beberapa tahun kebelakangan ini, industri kewangan Islam telah bertapak kukuh dan menjadi salah satu daripada komponen utama dalam sektor kewangan keseluruhannya’. Segmen perbankan Islam misalnya telah melepassi sasaran pasaran sebanyak 20% menjelang 2010 seperti yang disyorkan oleh Pelan Induk Sektor Kewangan  |
| 2012a(18) | ‘Perjalanan 30 tahun Bank Islam yang ditubuhkan atas prinsip Islam memberi kesan positif dari segi sosial dan perniagaan’. Dalam usahanya untuk terus maju demi manfaat bersama, Bank sentiasa memberikan tumpuan terhadap sumbangan kepada masyarakat dan memastikan produk dan perkhidmatannya memberikan manfaat melebihi matlamatnya untuk meningkatkan kehidupan; di bawah tuggak komuniti, pasaran, tempat kerja dan alam sekitar |

Bagi data 2010b(47), klausa ‘beberapa tahun kebelakangan ini’ menunjukkan bahawa maklumat yang ingin dikongsi oleh pewacana kepada khalayaknya merupakan maklumat lama dengan rujukan sejarah. Klausa tersebut kemudiannya diikuti oleh klausa ‘industri kewangan Islam telah bertapak kukuh dan menjadi salah satu daripada komponen utama dalam sektor kewangan keseluruhannya’, yang mengandungi maklumat lama yang ingin disampaikan. Namun sekiranya diperhatikan klausa seterusnya iaitu ‘Segmen perbankan Islam misalnya telah melepassi sasaran pasaran sebanyak 20% menjelang 2010 seperti yang disyorkan oleh Pelan Induk Sektor Kewangan’, menunjukkan bahawa maklumat yang terkandung dalam klausa tersebut merupakan maklumat baru. Hal ini menunjukkan pewacana menggabung jalin antara maklumat lama dengan maklumat baru dalam wacananya.

Begitu juga halnya dengan data 2012a(18), klaus ‘Perjalanan 30 tahun Bank Islam’ menunjukkan bahawa maklumat yang ingin dikongsi oleh pewacana merupakan maklumat lama dengan rujukan sejarah. Seterusnya klaus tersebut diikuti oleh klaus ‘yang ditubuhkan atas prinsip Islam memberi kesan positif dari segi sosial dan perniagaan’. Klaus tersebut mengandungi maklumat lama berhubung prinsip penubuhan BIMB. Jika diperhatikan pula klaus ‘dalam usahanya untuk terus maju demi manfaat bersama, Bank sentiasa memberikan tumpuan terhadap sumbangan kepada masyarakat dan memastikan produk dan perkhidmatannya memberikan manfaat melebihi matlamatnya’, klaus tersebut pula mengandungi maklumat baru berhubung fokus sumbangan BIMB kepada masyarakat. Data 2012a(18) ini juga menunjukkan pewacana menggabung jalin antara maklumat lama dengan maklumat baru dalam wacananya. Pada pengamatan penyelidik, pewacana menggabung jalankan antara maklumat lama dengan maklumat baru dalam wacananya bertujuan memudahkan khalayaknya memahami maklumat yang cuba disampaikan. Hal ini selaras dengan pandangan Kamila Ghazali (1999) yang menegaskan bahawa pewacana mengambil pendekatan berkongsi maklumat baru seolah-olah maklumat lama agar mudah diterima dan difahami oleh audiens.

*Penafian.* Selain unsur metawacana, representasi wacana dan pra-andaian, terdapat juga unsur penafian yang diintertekstualitikan dalam teks wacana muamalat BIMB. Penafian merujuk kepada ayat-ayat negatif yang digunakan dalam wacana yang lazimnya bertujuan mewujudkan polemik berhubung sesuatu isu yang diutarakan (Fairclough 2003; Idris Aman 2006). Polemik merujuk kepada perbahasan, perdebatan, pertahanan dengan rencana atau tulisan dan disiarkan dalam akhbar, majalah, laporan dan sebagainya (*Kamus Dewan* 2010). Intertekstualiti penafian yang dikesan dalam wacana muamalat adalah seperti yang diturunkan di bawah;

2009a(11) ‘Walaupun beroperasi dalam persekitaran yang mencabar akibat kemelesetan ekonomi global di samping persaingan sengit dalam industri perbankan tempatan, sukacita saya melaporkan bahawa Bank Islam telah mengekalkan kedudukannya yang kukuh’ dalam beberapa bidang perbankan Islam. Beberapa perkembangan sepanjang TK2009 telah membantu Bank kekal dinamik dan terus menjadi entiti yang berdaya saing.

2009b(22) ‘Operasi Perbankan Pengguna tidak begitu terjejas oleh kemelut ekonomi semasa malah menjadi lebih berdaya tahan daripada sebelumnya. Walaupun keadaan ekonomi amat mencabar, pembiayaan pengguna kekal sebagai penyumbang utama’ pada tahun kewangan ini di mana portfolio pembiayaan pengguna merangkumi 66.0% daripada jumlah aset pembiayaan Bank.

Dalam data 2009a(11), klaus ‘persekitaran yang mencabar akibat kemelesetan ekonomi global di samping persaingan sengit dalam industri perbankan’, merupakan klaus negatif yang digunakan oleh pewacana untuk mewujudkan polemik. Polemik merujuk kepada perbahasan atau perdebatan dengan rencana atau tulisan. Frasa-frasa seperti ‘persekitaran yang mencabar’, ‘kemelesetan ekonomi’, dan ‘persaingan sengit’ jelas menggambarkan bahawa ayat tersebut membawa konotasi negatif. Namun klaus negatif tersebut disambut pula dengan klaus seterusnya iaitu ‘sukacita saya melaporkan bahawa Bank Islam telah mengekalkan kedudukannya yang kukuh dalam beberapa bidang perbankan Islam’. Klaus ini telah menyebabkan wujudnya polemik berhubung kedudukan kukuh beberapa bidang perbankan Islam walaupun dalam keadaan kemelesetan ekonomi.

Begitu juga halnya dengan data 2009b(22). Klaus ‘terjejas oleh kemelut ekonomi semasa’ dan ‘keadaan ekonomi amat mencabar’, merupakan klaus negatif yang digunakan oleh pewacana dalam wacananya untuk mewujudkan polemik. Klaus-klaus tersebut diapit oleh klaus ‘Operasi Perbankan Pengguna tidak begitu ..... malah menjadi lebih berdaya tahan daripada sebelumnya’ dan klaus ‘Walaupun ..... pembiayaan pengguna kekal sebagai penyumbang utama’. Kewujudan klaus-klaus yang mengapit klaus negatif ini dilihat menyumbang kepada polemik. Hal ini kerana keseluruhan klaus tersebut menggambarkan situasi ekonomi semasa yang mencabar. Walau bagaimanapun situasi ekonomi yang semakin mencabar ini bukan sahaja tidak memberi kesan kepada operasi perbankan pengguna, malah telah menjadikan perbankan pengguna lebih berdaya tahan.

*Rumusan Intertekstualiti.* Representasi wacana, metawacana, pra-andaian dan penafian merupakan empat unsur intertekstualiti yang dimanfaatkan dalam teks wacana muamalat BIMB. Namun begitu unsur metawacana didapati lebih menonjol penggunaannya berbanding unsur-unsur yang lain. Unsur metawacana diintertekstualitikan melalui

pendekatan eksplisit atau penegasan ketara. Hal ini terbukti apabila pewacana menyatakan secara jelas sumber teks lain yang diintertekstualitikan ke dalam teks wacananya melalui penggunaan tanda petikan (“...”) bagi mewujudkan aras permukaan yang berbeza. Misalnya pada data 2009b(65), 2010b(7), 2012b(36), 2012b(68) dan 2012b(72) yang memanfaatkan teks kosa cogan kata dan data 2012b(67) yang memanfaatkan teks kosa peribahasa Melayu. Aras permukaan yang berbeza dalam tenunan sesebuah teks wacana merujuk kepada sumber milik teks lain (Radiman Hj. Junaidi 2011). Penyataan sumber teks lain secara jelas ini turut menunjukkan tidak berlakunya elemen manipulasi terhadap sumber teks tersebut (Idris Aman 2006).

Unsur representasi wacana pula diintertekstualitikan dengan cara pengucapan tidak langsung atau cakap pindah. Representasi pengucapan tidak langsung merujuk kepada pengucapan orang lain secara tidak terus atau *indirect speech* sebagai sumber teks lain. Representasi pengucapan ini hadir apabila bentuk ayat yang diungkapkan pewacana adalah milik pihak ketiga. Walaupun telah mengalami perubahan struktur namun ungkapan tersebut masih mengekalkan maksud pihak ketiga (Radiman Hj. Junaidi 2011). Unsur ini dimanfaatkan dalam mengungkapkan keputusan Mahkamah Rayuan berhubung kesahan kontrak *Bai Bithamam Ajil* (“BBA”) seperti yang terkandung pada data 2009a(12), dan mengungkapkan Laporan Bank Pusat berhubung keputusan membenarkan bank-bank mengklasifikasikan semula sekuriti seperti yang terkandung pada data 2009b(48).

Dari perspektif sosial, Islam amat menitikberatkan penganutnya berkata benar dalam setiap percakapan termasuk dalam menyampaikan sesuatu maklumat, perkhabaran atau berita. Malah sumber berita tersebut juga perlu dipastikan kesahihannya. Firman Allah S.W.T di dalam al Quran Surah Al Hujraat (49: 6);

Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu

Ayat di atas dengan jelas menitikberatkan kesahihan maklumat bagi mengelakkan terjadinya musibah akibat daripada maklumat yang tidak benar. Justeru pendekatan eksplisit atau penegasan ketara tanpa memanipulasi sumber teks lain dimanfaatkan dalam wacana muamalat untuk memastikan kesahihan maklumat yang disampaikan. Begitu

juga pendekatan pengucapan tidak langsung yang mengungkapkan ayat milik pihak ketiga dengan mengekalkan maksud pihak ketiga tersebut. Pendekatan ini juga bertujuan memastikan kesahihan maklumat yang disampaikan. Penekanan kepada kesahihan maklumat yang disampaikan bermakna melaksanakan perintah Allah S.W.T. Perlaksanaan perintah Allah S.W.T pula selaras dengan pengertian Ihsan yang merujuk kepada kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan hamba-hambaNya. Sementara manipulasi dalam penyampaian maklumat merupakan pelanggaran perintah Allah S.W.T dan tertakluk juga di bawah pengawasan-Nya.

Sementara itu intertekstualiti pra-andaian dalam wacana muamalat pula menggabungjalinkan maklumat lama dengan maklumat baru untuk membina hubungan pengetahuan bersama di kalangan sasaran wacananya. Pendekatan ini dilakukan bagi memastikan kumpulan sasaran wacana muamalat mudah menerima dan memahami maklumat yang ingin disampaikan. Malah terdapat juga pewacana yang memanfaatkan pendekatan perkongsian maklumat baru seolah-olah maklumat lama agar mudah diterima dan difahami oleh audiens (Kamila Ghazali 1999). Misalnya ketika mengimbas kekuuhan industri kewangan Islam seperti pada data 2010b(74) dan mengimbas kesan positif penubuhan Bank Islam seperti pada data 2012a(18).

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini pada bahagian praktis sosial muamalat, matlamat tertinggi muamalat adalah bertujuan mencari reda Allah (Yusuf Al-Qardhawi 2012). Justeru muamalat tidak hanya dilihat sebagai aktiviti perekonomian semata-mata. Malah konsep utama dan paling signifikan perniagaan Islam ialah melaksanakan fungsi ekonomi, sosial dan agama. Ahli perniagaan Islam yang melaksanakan perniagaan dengan amanah (Ihsan) bukan sahaja mewujudkan kemakmuran ekonomi dan keharmonian sosial, tetapi juga menjadikan mereka lebih dekat kepada Allah S.W.T. Mereka juga menyumbang kepada perkembangan Islam sebagai agama yang praktikal, berorientasikan pembangunan, adil dan saksama (Nik Mohamad Affandi Bin Nik Yusoff 2002). Ini bermakna muamalat merupakan sebahagian daripada medium dakwah yang bertujuan mendekatkan manusia kepada penciptanya. Sebagai medium dakwah, wacana muamalat perlu menampilkan penyampaian dengan kefahaman yang jelas kepada sasarannya. Maka tidak hairanlah pendekatan menggabungjalinkan maklumat lama dengan maklumat baru dimanfaatkan dalam wacana

muamalat. Pendekatan ini diambil bukan sahaja untuk memudahkan kefahaman (Kamila Ghazali 1999), tetapi juga untuk melaksanakan tujuan dakwah tersebut.

Selain itu, unsur intertekstualiti penafian yang mencetuskan polemik dimanfaatkan untuk menggambarkan kestabilan perbankan Islam walaupun berhadapan dengan situasi ekonomi (konvensional) global yang sukar. Situasi ekonomi (konvensional) global yang semakin mencabar bukan sahaja tidak memberi kesan kepada operasi perbankan pengguna BIMB, malah telah menjadikan perbankan pengguna lebih berdaya tahan. Situasi ini diungkapkan melalui data 2009a(11) dan 2009b(22). Dalam hubungan ini, harus difahami bahawa Islam ialah *ad-Deen* yang merupakan keseluruhan cara hidup yang memandu manusia mencapai kebahagiaan di dunia dan kebahagian di akhirat. Sebagai ad-Deen, Islam bukan sahaja risalah Allah dalam kehidupan beragama tetapi juga merupakan kaedah dalam mencapai kehidupan sosial dan ekonomi yang produktif (Nik Mohamed Affandi B. Nik Yusoff 2002). Memilih muamalat bermaksud memilih kaedah ekonomi yang produktif yang dibawa oleh Islam. Ini seterusnya menyumbang kepada perkembangan Islam sebagai agama yang praktikal, berorientasikan pembangunan, adil dan saksama (Ihsan).

## KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa praktis sosial yang dimanfaatkan ialah Ihsan. Ihsan merujuk kepada penawaran perkhidmatan dengan kebaikan, kebijakan dan kemurahan hati atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan hamba-hambaNya. Ihsan di terjemah melalui amalan Zakat, mencari keuntungan dengan cara yang halal, berpada dan tidak menindas selain menghindari amalan monopoli yang boleh menjelaskan kepentingan umum. Ihsan juga dilaksanakan sebagai sebahagian daripada strategi pemasaran dan dakwah. Perlaksanaan Ihsan sebagai strategi pemasaran dan dakwah merupakan tindak balas yang berlaku hasil perkembangan muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional. Perkembangan ini menyaksikan konteks/situasi yang menjadi latar kepada pembentukan wacana muamalat melalui proses penstrukturran semula dan seterusnya mempengaruhi praktis wacana.

Dapatan juga menunjukkan metawacana, representasi wacana, pra-andaian dan penafian

merupakan unsur intertekstualiti yang dimanfaatkan dalam wacana muamalat. Unsur metawacana lebih ketara serta diintertekstualitikan melalui pendekatan eksplisit, sementara representasi wacana diintertekstualitikan melalui pendekatan pengucapan tidak langsung. Pendekatan eksplisit dan pengucapan tidak langsung mewujudkan aras permukaan yang berbeza dalam tenunan sesebuah teks wacana. Aras permukaan yang berbeza dalam tenunan sesebuah teks wacana menunjukkan sumber tersebut milik teks lain (Radiman Hj. Junaidi 2011). Penyataan sumber teks lain secara jelas pula menunjukkan tidak berlakunya elemen manipulasi terhadap sumber teks tersebut (Idris Aman 2006). Hal ini penting dalam memastikan ketepatan maklumat yang disampaikan selaras dengan pengertian Ihsan. Dapatan juga menunjukkan bahawa pendekatan menggabungjalinkan maklumat lama dengan maklumat baru (pra-andaian) bukan sahaja bertujuan memudahkan kefahaman (Kamila Ghazali 1999) tetapi juga untuk melaksanakan dakwah dengan lebih berkesan kepada kumpulan sasaran wacana muamalat. Selain itu dapatan turut menunjukkan intertekstualiti penafian yang mencetuskan polemik dimanfaatkan untuk menggambarkan kestabilan perbankan Islam berhadapan dengan krisis ekonomi global. Hal ini menyumbang ke arah perkembangan Islam sebagai agama yang praktikal, berorientasikan pembangunan, adil dan saksama.

## RUJUKAN

- Ahmad Fuad Mat Hassan et al. 2011. Nilai kejujuran dan integriti dalam Peribahasa Melayu. Dlm. *Kelestarian Bahasa Satu Rumpun Satu Ikatan*, disunting oleh Kamariah Kamarudin et al. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Al-Qur'an Al-Karim dan Terjemahannya*. 2002. Semarang, Indonesia: Departemen Agama Republik Indonesia.
- Bank Islam Malaysia Berhad. 2009. *Laporan Tahunan 2009*.
- Bank Islam Malaysia Berhad. 2010. *Laporan Tahunan 2010*.
- Bank Islam Malaysia Berhad. 2011. *Laporan Tahunan 2011*.
- Bank Islam Malaysia Berhad. 2012. *Laporan Tahunan 2012*.
- Fairclough, N. 1989. *Language and Power*. London: Longman.
- Fairclough, N. 1992. *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- Fairclough, N. 1995. *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London: Longman.
- Fairclough, N. 2003. *Analysing Discourse: Textual Analysis For Social Research*. London: Routledge.
- Fairclough, N. & Wodak, R. 1997. Critical Discourse Analysis. Dlm. Van Dijk. *Discourse As Social Interaction*. London: Sage Publication Ltd.
- Haron Din et al. 1988. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.

- Hyland, K. 2005. *Metadiscourse: Exploring Interaction in Writing*. New York: Continuum International Publishing Group.
- Idris Aman. 2006. *Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Aman. 2010. *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamila Ghazali. 1999. A Critical Discourse Analysis of the Speeches of Dr. Mahathir Mohamad. Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lagu Rasmi Universiti Teknologi Mara (UiTM). Di akses melalui laman web <http://www.uitm.edu.my/index.php/ms/kenali-uitm/profil-sejarah-uitm/logo-lagu-universiti?showall=&start=2>
- Md. Asham Ahmad. 2010. Kalimah Allah: Antara Nama dan Hakikat. Kertas Kerja Muzakarah Pakar IKIM 21 Januari 2010.
- Munif Zariruddin Fikri B. Nordin. 2009. Bahasa Kemimpinan Rasulullah S.A.W.: Analisis Wacana Khutbah Ghazawat al-Rasul. Tesis Ph.D , Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nik Mohamed Affandi Bin Nik Yusoff. 2002. *Islam & Business*. Subang Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Nor Mohamed Yakob. 1996. *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Perlembagaan Persekutuan. 2012. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Radiman Hj Junaidi. 2011. Analisis Wacana Terhadap Ucapan Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi. Tesis Ph.D., Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Renkema, J. 1993. *Discourse Studies: An Introductory Textbook*. Amsterdam: John Benjamin Publishing Company.
- Ruslan Zainuddin et al. 2010. *Kenegaraan Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Tabung Haji Act 1995 (Act 535). Kuala Lumpur: The Commissioner of Law Revision, Malaysia In Collaboration with Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Yusuf Al Qardhawi. 2012. *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn. Bhd.
- Zarina Muhammad. 2000. Sejarah perkembangan tamadun Islam. Dlm. *Tamadun Islam*, disunting oleh Hj. Ahmad Fauzi Hj Morad & Ahmad Tarmizi Talib. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

*Mohamad Fitri Mohamad Yusoff  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM, Serdang, Selangor  
MALAYSIA.  
E-mail: fitrimy@hotmail.com*

*Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ph.D.  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM, Serdang, Selangor  
MALAYSIA.  
E-mail: zaitulazma@yahoo.com*

*Pabiayah Hajimaming @ Pabiayah Toklubok, Ph.D.  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM, Serdang, Selangor  
MALAYSIA.  
E-mail: pabiayah@upm.edu.my*

*Hjh. Nor Azuwan Yaakob, Ph.D.  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM, Serdang, Selangor  
MALAYSIA.  
E-mail: azuwan\_nor@yahoo.com*

